

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**KESAN MODUL PENDIDIKAN RASIONAL EMOTIF TERHADAP
KEPERCAYAAN TIDAK RASIONAL DAN TEKANAN DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH BERASRAMA PENUH DI JOHOR, MALAYSIA**

Oleh

MASTURA BINTI MAHFAR

Jun 2011

Pengerusi : Profesor Madya Sidek Mohd Noah, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk membina Modul Pendidikan Rasional Emotif yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Di samping itu, kajian ini juga dilaksanakan bagi mengenalpasti kesan Modul Pendidikan Rasional Emotif terhadap kepercayaan tidak rasional dan tekanan pelajar. Reka bentuk kajian ialah kajian *true experimental* yang menggunakan kelompok kawalan rawak ujian-pra dan ujian-pasca. Subjek kajian terdiri daripada seramai 90 orang pelajar Tingkatan Satu daripada tiga buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di negeri Johor yang telah dipilih secara persampelan rawak berkelompok dan seterusnya diagihkan secara rawak kepada kelompok eksperimen besar (KE_B), kelompok eksperimen kecil (KE_K) dan kelompok kawalan (KK_w). Hanya kelompok eksperimen sahaja telah mengikuti rawatan modul selama tempoh sembilan minggu sementara kelompok kawalan tidak diberikan sebarang rawatan.

Kesemua kelompok telah menjawab Soal Selidik Kepercayaan Pelajar (SSKP) dan Soal Selidik Tekanan Pelajar (SSTP) yang sama sebelum dan selepas rawatan. Data kajian yang diperoleh telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai telah digunakan dalam analisis deskriptif bagi menganalisis maklumat demografi, kesahan kandungan dan kebolehpercayaan modul. Manakala, statistik inferensi iaitu ujian-t dua sampel bersandar dan ANOVA Sehalu digunakan bagi menguji hipotesis kajian. Keputusan kajian telah menunjukkan bahawa Modul Pendidikan Rasional Emotif yang dibina mempunyai kesahan kandungan yang tinggi iaitu .92. Nilai pekali kebolehpercayaan *alpha Cronbach* pula ialah .93.

Keputusan kajian eksperimen pula telah menunjukkan 1) terdapat perbezaan signifikan antara ujian-pra dan ujian-pasca KE_B dan KE_K bagi kepercayaan tidak rasional, tekanan dan kesemua subskala kepercayaan tidak rasional (pendesakan, keterukan, toleransi kekecewaan rendah dan penilaian menyeluruh) kecuali KK_w 2) terdapat perbezaan signifikan antara ujian-pasca KE_B dengan KK_w dan juga KE_K dengan KK_w bagi kepercayaan tidak rasional, tekanan dan kesemua subskala kepercayaan tidak rasional 3) tidak terdapat perbezaan signifikan antara ujian-pasca KE_B dengan KE_K bagi kepercayaan tidak rasional, tekanan dan subskala kepercayaan tidak rasional kecuali subskala toleransi kekecewaan rendah. Secara kesimpulannya, Modul Pendidikan Rasional Emotif yang dibina berasaskan pendekatan Terapi Rasional Emotif Tingkah Laku (REBT) ini adalah bersesuaian bagi mengurangkan kepercayaan tidak rasional dan tekanan pelajar Tingkatan Satu, SBP sama ada dilaksanakan melalui kelompok kecil atau kelompok besar.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**EFFECTS OF RATIONAL EMOTIVE EDUCATION MODULE ON
IRRATIONAL BELIEFS AND STRESS AMONG
FULLY RESIDENTIAL SCHOOL STUDENTS IN JOHOR, MALAYSIA**

By

MASTURA BINTI MAHFAR

June 2011

Chairman : Associate Professor Sidek Mohd Noah, PhD

Faculty : Educational Studies

The purpose of this study was to develop a Rational Emotive Education Module of high validity dan reliability. Besides, this study was carried out to identify the effects of Rational Emotive Education Module on irrational beliefs and stress among students. The research design in this study was true experimental which used pre-test and post-test randomized control group. The subjects of this study were 90 Form One students from three fully residential schools in Johor who were selected using group random sampling and were randomly assigned to the big experimental group (EG_B), the small experimental group (EG_S) and the control group (CG). Only the experimental groups underwent treatment of the module for nine weeks but not for the control group.

All groups responded to the same questionnaires which were the Questionnaire of Students' Irrational Beliefs (QSIBs) and Questionnaire of Students' Stress (QSS) before and after the treatment. The data collected were analyzed using descriptive and inferential statistics. The frequencies, percentage, mean and standard deviation were used in the descriptive analyses to examine the demographics information, validity and reliability of the module. Besides that, the inferential statistics such as paired sample t-test and one-way ANOVA were employed to test the research hypotheses. The results indicated that the Rational Emotive Education Module developed had a high validity value at .92. The *alpha Cronbach* coefficient reliability was at .93.

The results of the experimental research revealed that 1) there were significant differences between pre-test and post-test in EG_B and EG_S for irrational beliefs, stress and all subscales of irrational beliefs (demandingness, awfulizing, low frustration tolerance and global evaluation) except for CG, 2) there were significant differences between post-test of EG_B and CG and also EG_S and CG for irrational beliefs, stress and all subscales of irrational beliefs, 3) there were no significant differences between post-test of EG_B and EG_S for irrational beliefs, stress and subscales of irrational beliefs except for subscale of low frustration tolerance. In conclusion, the Rational Emotive Education Module developed based on the Rational Emotive Behaviour Therapy (REBT) approach is suitable for Form One students of fully residential schools to reduce their irrational beliefs and stress carried out either via small groups or big groups.